

**Bahagian A**

[60 markah]

*Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang di pasaran.

| Harga (RM) | Kuantiti (unit)    |                   |                   |
|------------|--------------------|-------------------|-------------------|
|            | Permintaan Pasaran | Penawaran Firma Q | Penawaran Firma R |
| 30         | 64                 | 7                 | 8                 |
| 40         | 50                 | 16                | 14                |
| 50         | 30                 | 25                | 25                |

- (i) Lukis rajah keseimbangan pasaran di atas kertas graf yang disediakan di halaman 2. [6 markah]

- (ii) Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran barang tersebut.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Situasi di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Syarikat TRX.

Syarikat TRX ialah sebuah syarikat yang mengeluarkan pelbagai produk kesihatan. Syarikat bercadang untuk mengeluarkan produk baharu bagi meluaskan pasaran dan meningkatkan jualan. Namun ianya memerlukan kos penyelidikan yang tinggi. Oleh kerana itu, syarikat mengambil keputusan untuk memberi tumpuan kepada produk sedia ada.

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh syarikat tersebut.

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[6 markah]

Graf untuk Soalan 1(a)



(c) Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Pengguna bebas memilih barang dan perkhidmatan untuk memaksimumkan kepuasan.
- Firma bebas memperuntukkan sumber ekonomi dalam mengeluarkan barang dan perkhidmatan.

Jelaskan cara penyelesaian masalah asas ekonomi berikut:

(i) Apa yang hendak dikeluarkan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(iii) Untuk siapa hendak dikeluarkan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]





(c) Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek bagi Syarikat Maju.

| Bilangan buruh (orang) | Jumlah keluaran (unit) | Keluaran purata (unit) | Keluaran marginal (unit) |
|------------------------|------------------------|------------------------|--------------------------|
| 0                      | 0                      | -                      | -                        |
| 1                      | 10                     | 10                     | 10                       |
| 2                      | 30                     | 15                     | 20                       |
| 3                      | 60                     | 20                     | 30                       |
| 4                      | 84                     | 21                     | <b>X</b>                 |
| 5                      | 95                     | 19                     | 11                       |
| 6                      | 95                     | <b>Y</b>               | 0                        |
| 7                      | 91                     | 13                     | -4                       |

(i) Kira nilai X dan nilai Y.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(ii) Jelaskan hubungan antara buruh 4 - 6 dengan keluaran purata dan keluaran marginal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]







**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu dasar kerajaan.

Putrajaya-Cukai eksais 40 sen seliter ke atas minuman bergula akan dilaksanakan pada 1 Julai 2019. Cukai ini akan dikenakan ke atas minuman atau jus yang melebihi 12g gula bagi setiap 100ml namun demikian ia tidak akan melibatkan minuman yang dibancuh di restoran.

Sumber: Astro Awani, 8 April 2019.

- (a) Jelaskan jenis cukai tersebut. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan beban cukai yang ditanggung oleh pengguna dan pengeluar. [7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan tersebut kurang memberi kesan kepada pengguna tegar. Anda bersetuju dengan pernyataan di atas. Kemukakan alasan anda. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah pengurusan kewangan golongan belia.

Pusat Penyelidikan & Sumber Pengguna (CCRC) melaporkan sebanyak 22% orang yang muflis dari tahun 2010 hingga 2015 adalah golongan belia. Peratusan itu dijangka meningkat jika tidak ditangani segera. Antara faktor penyebabnya ialah kenaikan kos sara hidup serta kesan dari pinjaman perumahan dan kad kredit. Penetapan gaji minima pekerja sebanyak RM1100 sebulan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa. Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan untuk membantu belia daripada terus terjebak dengan bebanan hutang.

Sumber: Ubahsuai b.harian.com.

- (a) Jelaskan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah pinjaman tersebut menyebabkan golongan belia muflis? [7 markah]
- (c) Kerajaan dan belia itu sendiri berperanan dalam menyelesaikan masalah di 5(b). Jelaskan pernyataan di atas. [9 markah]

6 Maklumat di bawah berkaitan dengan aktiviti dalam suatu sektor ekonomi.

Sektor pelancongan menyumbang RM84.1 bilion kepada pendapatan negara melalui kunjungan kira-kira 25.8 juta pelancong antarabangsa dalam tahun 2018. Pelancongan kesihatan merupakan tarikan utama pelancong dari Singapura, Indonesia dan China.

Levi penerbangan dikenakan ke atas semua pelancong yang berlepas dari Lapangan Terbang Malaysia. Levi sebanyak RM20 dikenakan untuk penerbangan ke negara ASEAN dan RM40 untuk ke negara lain.

Sumber: Berita Nasional, 27 Februari 2019.

- (a) Jelaskan perjanjian perdagangan yang wujud antara negara-negara ASEAN. [3 markah]
- (b) Jelaskan sektor ekonomi yang terlibat. [4 markah]
- (c) Huraikan komposisi dagangan di atas. [4 markah]
- (d) Anda bersetuju bahawa pengenaan levi tersebut memberi lebih banyak kesan negatif ke atas industri pelancongan negara. Beri alasan anda. [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Kerajaan telah menyediakan RM600 juta subsidi minyak masak membabitkan 60,000 tan minyak masak paket yang dijual pada harga RM2.50. Subsidi tersebut dijangka dapat memenuhi keperluan golongan isi rumah B40. Kementerian Industri Utama turut memperkenalkan kempen 'Sayangi Sawitku' sebagai sebahagian daripada usaha untuk memerangi kempen anti sawit. Akibat tekanan di pasaran antarabangsa eksport minyak kelapa sawit terjejas dan menyebabkan harga sawit jatuh daripada RM600 per tan kepada RM400 per tan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my> 2019/03.

- (a) Huraikan perbelanjaan kerajaan di atas. [3 markah]
- (b) Mengapakah kerajaan menyasarkan golongan tersebut? [5 markah]
- (c) Cadangkan alternatif lain bagi membantu mengatasi masalah peneroka terlibat. [3 markah]
- (d) Bagaimanakah kempen tersebut dapat melindungi industri sawit Malaysia? [9 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**







